

Headline	Fama buka peluang usahawan muda berniaga di pasar tani guna trak		
MediaTitle	Sinar Harian (Melaka & Negeri Sembilan)		
Date	02 Feb 2017	Color	Full Color
Section	News	Circulation	160,000
Page No	42	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	207 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,450
Frequency	Daily	PR Value	RM 4,350



Fama buka peluang usahawan muda berniaga di pasar tani guna trak

PORT DICKSON - Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama) Negeri Sembilan membuka peluang kepada generasi muda untuk berniaga di pasar tani dengan pendekatan lebih moden iaitu melalui program *agro truck*.

Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Pelancongan negeri, Datuk Tun Hairudin Abu Bakar berkata, melalui program *agro truck* itu, Fama telah memilih Port Dickson sebagai lokasi Dataran Agro.

"Program *agro truck* memerlukan usahawannya berniaga menggunakan trak yang telah diubah suai. Mereka tidak perlu lagi menggunakan payung dan meja untuk berniaga.

"Ini akan memberi satu imej baru tentang usahawan pasar tani, sekali gus mampu menarik perhatian lebih ramai pelanggan," katanya.

Beliau berkata demikian selepas mengadakan lawatan dan ramah mesra bersama usahawan dan orang ramai di Pasar Tani Batu 4, di sini, semalam.

Tun Hairudin berkata, pendekatan yang diambil oleh Fama itu juga satu lagi langkah ke hadapan untuk menyemarakkan semangat keusahawanan dalam kalangan generasi muda.

"Dengan pendekatan ini, gene-

rasi muda akan menjadi usahawan tani moden selari dengan kemajuan yang kita capai kini.

"Pasar tani sejak dahulu merupakan antara produk pelancongan di daerah ini dan apabila program *agro truck* ini dapat dilaksanakan, maka ia akan merancakkan lagi sektor pelancongan di sini," katanya.

Sementara itu, Pengarah Fama negeri, Muslim Manja berkata, pihaknya kini sedang mencari lokasi yang sesuai di Port Dickson untuk dijadikan Dataran Agro.

"Pesertanya nanti adalah terbuka kepada usahawan yang memiliki trak dan setakat ini Fama telah mempunyai 19 usahawan tani yang memiliki kenderaan itu.

"Komoditi jualan di pasar tani *agro truck* ini sama seperti pasar tani tradisional, menjual pelbagai keperluan basah dan makanan yang segar pada harga berpatutan," katanya.

Menurutnya, tahun ini, Fama menyasarkan untuk melahirkan empat lagi usahawan *agro truck*.

"Fama akan membantu mana-mana usahawan yang mahu memiliki trak dengan menyokong permohonan mereka untuk membuat pinjaman dengan Agro Bank ataupun Tekun (Tabung Ekonomi Kumpulan Usahawan Niaga)," katanya.

Headline	Fama buka peluang usahawan muda berniaga di pasar tani guna trak		
MediaTitle	Sinar Harian (Melaka & Negeri Sembilan)		
Date	02 Feb 2017	Color	Full Color
Section	News	Circulation	160,000
Page No	42	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	207 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,450
Frequency	Daily	PR Value	RM 4,350



Tun Hairudin (kanan) menyerahkan permit niaga pasar tani 2017 kepada usahawan tani muda di Pasar Tani Batu 4. Turut kelihatan, Muslim (tengah).